

SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN RAKYAT 1MALAYSIA (BR1M) 2018

RAYUAN

1. **S: Saya telah menerima Surat Makluman Tidak Lulus. Bilakah rayuan bermula?**

J: Rayuan boleh dibuat di Cawangan / Pusat Khidmat Hasil (PKH) / *Urban Transformation Centre* (UTC) LHDNM yang berhampiran **bermula 02 April 2018 sehingga 31 Mei 2018** (tertakluk pada pindaan). Kaunter Rayuan BR1M di Cawangan / Pusat Khidmat Hasil (PKH) / *Urban Transformation Centre* (UTC) LHDNM hanya dibuka pada hari bekerja sahaja.

2. **S: Adakah permohonan rayuan BR1M 2018 boleh dibuat secara dalam talian?**

J: Ya. Permohonan Rayuan BR1M 2018 boleh dibuat secara dalam talian di Portal Rasmi BR1M LHDNM, <https://ebr1m.hasil.gov.my> pada menu MyBR1M mulai 13 April 2018.

Walau bagaimanapun, Permohonan Rayuan BR1M 2018 secara dalam talian hanya dibenarkan untuk pemohon berstatus tidak lulus dengan **satu (1) Kod Alasan Tidak Lulus sahaja** seperti di bawah:

| BIL. | KOD TIDAK LULUS | ALASAN TIDAK LULUS |
|------|-----------------|---|
| 1. | 05 | Semakan rekod agensi / maklumat pada borang mendapati pendapatan isi rumah melebihi RM4,000 |
| 2. | 06 | Semakan rekod agensi / maklumat pada borang mendapati pendapatan melebihi RM2,000 |
| 3. | 07 | Pemohon disenaraikan sebagai penerima Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) |
| 4. | 14 | Pendapatan bulanan isi rumah yang dilaporkan pada borang melebihi RM4,000 |
| 5. | 15 | Pendapatan bulanan yang dilaporkan melebihi RM2,000 |

3. **S: Adakah permohonan rayuan BR1M 2018 boleh dibuat melalui penghantaran borang dan dokumen sokongan secara pos?**

J: Penghantaran Borang Rayuan BR1M 2018 boleh dibuat secara pos ke alamat seperti berikut:

Peti Surat BR1M
GPO Shah Alam
40800 Selangor

Tuan perlu pastikan Borang Rayuan BR1M 2018 diisi dengan lengkap dan dokumen sokongan dihantar seperti yang telah dinyatakan bagi memastikan pemprosesan rayuan dapat dibuat dalam tempoh yang telah ditetapkan.

4. **S:** **Saya tidak lulus disebabkan maklumat pendapatan pemohon / pasangan / tanggungan perlu pengesahan dan penyata bank diperlukan. Bayaran perlu dibuat bagi mendapatkan penyata berkenaan di bank. Adakah boleh sekiranya penyata bank tersebut tidak dikemukakan?**

J: Tuan perlu mengemukakan penyata bank berkenaan untuk pengesahan pendapatan dan pertimbangan semula kelulusan rayuan mengikut syarat kelayakan yang telah ditetapkan. Sebarang kos yang perlu dibayar bagi setiap dokumen yang perlu dikemukakan semasa tempoh rayuan adalah ditanggung oleh pemohon sendiri.

PENGESAHAN PENGENALAN

KOD ALASAN 01 / 02 / 03 / 04 / 27 / 28 / 29 / 30 / 31 / 32 / 33 / 34 / 37 / 41 / 42

5. **S:** **Saya tidak lulus kerana perlu pengesahan pengenalan. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan?**

J: Tuan perlu hadir ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk membuat semakan status MyKad. Setelah pengesahan daripada JPN maklumat di MyKad adalah sah dan warga negara, tuan boleh hadir ke Cawangan LHDNM dengan membawa dokumen daripada JPN (jika ada) untuk proses rayuan. Dokumen yang dikemukakan semasa rayuan adalah seperti berikut:

- i. MyKAD pemohon; **atau**
- ii. Dokumen Pengesahan daripada JPN; **dan**
- iii. Slip Gaji bagi 3 bulan lengkap (Jan, Feb, Mac 2018) bagi pemohon / pasangan / tanggungan.

6. **S:** **Saya tidak lulus kerana pasangan / tanggungan perlu pengesahan pengenalan. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan?**

J: Tuan perlu hadir ke Cawangan LHDNM dengan membawa dokumen seperti berikut:

- i. MyKAD / MyPR / MyKID / Visa / MyKAS / Sijil Lahir / Pas Sempadan / Kad UNHCR Pasangan / Tanggungan; **dan**
- ii. Slip Gaji bagi 3 bulan (Jan, Feb, Mac 2018) bagi pasangan / tanggungan; **atau**
- iii. Sijil Kematian Pasangan / Tanggungan daripada Jabatan Pendaftaran Negara.

7. **S:** **Permohonan saya tidak lulus kerana Dokumen Visa / MyKas pasangan telah tamat tempoh / tidak dinyatakan, apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa rayuan dan bilakah tempoh sah Visa / MyKas pasangan yang membolehkan saya layak menerima BR1M 2018?**

J: Tuan perlu kemukakan Dokumen seperti berikut ke Cawangan LHDNM:

- i. Visa / MyKas Pasangan yang lengkap; **dan**
- ii. Sijil lahir tanggungan (Jika melaporkan maklumat tanggungan dalam permohonan); **dan**
- iii. Slip Gaji bagi 3 bulan (Jan, Feb, Mac 2018) bagi pasangan.

Visa / MyKAS / Pas Sempadan / Kad UNHCR masih sah laku pada 1 Jun 2018.

8. S: Permohonan saya tidak lulus kerana Dokumen Pasport pasangan perlu pengesahan, apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa rayuan?

J: Tuan perlu kemukakan Dokumen seperti berikut ke Cawangan LHDNM:
i. Pasport lengkap perjalanan pergi balik pemohon dan pasangan; **dan**
ii. Sijil Lahir Tanggungan; **dan**
iii. Slip Gaji bagi 3 bulan (Jan, Feb, Mac 2018) bagi pemohon / pasangan / tanggungan.

PENGESAHAN PENDAPATAN

KOD ALASAN 05 / 06 / 14 / 15 / 38 / 43

9. S: Permohonan saya tidak lulus kerana pendapatan isi rumah melebihi RM4000, apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa rayuan?

J: Tuan perlu kemukakan Dokumen seperti berikut ke Cawangan LHDNM:
i. Slip Gaji bagi 3 bulan lengkap (Jan, Feb, Mac 2018); **atau**
ii. Bagi pesara / penerima pencen terbitan perlu mendapatkan penyata / pengesahan KWAP (jika tidak bersetuju pencen yang diterima menyebabkan pendapatan isi rumah melebihi RM4,000);
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
Skytech Tower 2,
Jalan Teknokrat 2, Cyber 4,
63000 Cyberjaya, Selangor
Telefon: 03-8887 8777
Emel: mypesara@kwap.gov.my
atau
iii. Penyata KWSP yang terkini (2018).

10. S: Permohonan saya tidak lulus kerana pendapatan isi rumah melebihi RM4000 tetapi saya telah berhenti kerja. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa rayuan?

J: Tuan perlu kemukakan Penyata KWSP yang terkini (2018) untuk pengesahan pendapatan semasa tempoh rayuan di Cawangan LHDNM.

11. S: Apakah pendapatan yang diambil kira bagi penentuan kelayakan BR1M 2018?

J: Tuan perlu kemukakan slip Gaji bagi 3 bulan lengkap (Jan, Feb, Mac 2018). Pendapatan yang diambil kira adalah upah, gaji, saraan, komisen, fi, perkuisit dan elaun (termasuk kerja lebih masa) yang boleh dikenakan cukai pendapatan dalam bentuk tunai.

12. S: Permohonan saya tidak lulus di bawah kod 38 dan 47 kerana maklumat pendapatan pemohon / pasangan perlu pengesahan. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa rayuan?

J: Tuan didapati telah mendaftarkan perniagaan. Oleh itu, tuan tidak perlu hadir ke Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk mendapatkan sebarang dokumen atau pengesahan daripada SSM. Tuan perlu hadir terus ke Cawangan LHDNM dengan mengemukakan dokumen berikut untuk pengesahan pendapatan:

- i. Syarikat Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.)
 - a) Penyata Kewangan Beraudit Terkini.
- ii. Perniagaan (Milikan Tunggal / Perkongsian)
 - a) Penyata Akaun Untung Rugi Perniagaan 2017 setiap perniagaan; **atau**
 - b) Penyata Akaun Bank Perniagaan bagi 3 bulan terkini (Januari, Februari, Mac 2018) setiap perniagaan; **atau**
 - c) Penyata Akaun Bank Persendirian bagi 3 bulan terkini (Januari, Februari, Mac 2018).

13. S: Permohonan saya tidak lulus di bawah kod 38 dan 47 kerana maklumat pendapatan pemohon / pasangan perlu pengesahan. Saya memiliki 7 perniagaan. Adakah saya layak membuat rayuan?

J: Bagi pemohon yang memiliki 7 perniagaan dan ke atas adalah tidak layak untuk membuat rayuan BR1M 2018.

14. S: Permohonan saya tidak lulus di bawah kod 38 dan 47 kerana maklumat pendapatan pemohon / pasangan perlu pengesahan. Saya hanya memiliki 3 perniagaan dan pasangan saya mempunyai 4 perniagaan. Adakah saya layak membuat rayuan?

J: Bagi Isi rumah (digabungkan pemohon dan pasangan) yang memiliki 7 perniagaan dan ke atas adalah tidak layak untuk membuat rayuan BR1M 2018.

15. S: Permohonan saya tidak lulus di bawah kod 38 dan 47 kerana maklumat pendapatan pemohon / pasangan perlu pengesahan. Saya memiliki 6 perniagaan. Adakah saya layak membuat rayuan?

J: Bagi pemohon yang memiliki 6 perniagaan dan ke bawah adalah layak untuk membuat rayuan BR1M 2018. Tuan perlu mengemukakan dokumen pengesahan pendapatan (rujuk jawapan bagi soalan no. 12) bagi setiap perniagaan yang dimiliki.

16. **S:** **Permohonan saya tidak lulus di bawah kod 38 dan 47 kerana maklumat pendapatan pemohon / pasangan perlu pengesahan. Saya memiliki 3 perniagaan dan pasangan juga memiliki 3 perniagaan. Adakah saya layak membuat rayuan?**
- J: Bagi isi rumah (digabungkan pemohon dan pasangan) yang memiliki 6 perniagaan dan ke bawah adalah layak untuk membuat rayuan BR1M 2018. Tuan perlu mengemukakan dokumen pengesahan pendapatan (rujuk jawapan bagi soalan no. 12) bagi setiap perniagaan yang dimiliki oleh Tuan dan pasangan.
17. **S:** **Permohonan saya tidak lulus di bawah kod 38 dan 47 kerana maklumat pendapatan pemohon / pasangan perlu pengesahan. Perniagaan saya adalah tidak aktif. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa rayuan?**
- J: Tuan perlu mengemukakan Penyata Akaun Bank Persendirian bagi 3 bulan terkini (Januari, Februari, Mac 2018) bagi pengesahan pendapatan.
18. **S:** **Permohonan saya tidak lulus di bawah kod 38 dan 47 kerana maklumat pendapatan pemohon / pasangan perlu pengesahan. Perniagaan saya dijalankan oleh anak saya. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa rayuan?**
- J: Tuan perlu mengemukakan Penyata Akaun Bank Persendirian bagi 3 bulan terkini (Januari, Februari, Mac 2018) berserta bukti melalui surat perjanjian atau apa-apa dokumen bertulis yang menunjukkan perniagaan dijalankan oleh anak tuan (nyatakan nama dan no. pengenalan anak berkenaan) bagi pengesahan pendapatan.

**PENGESAHAN PEMILIKAN KENDERAAN
KOD ALASAN 08 / 09 / 10**

19. **S:** **Permohonan saya tidak lulus kerana semakan rekod agensi mendapati had kemampuan pemohon memiliki kenderaan melebihi syarat kelayakan. Kenderaan berkenaan digunakan oleh ibu bapa saya. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa rayuan?**
- J: Tuan perlu mengemukakan Dokumen seperti berikut ke Cawangan LHDNM:
- i. Perjanjian Sewa Beli Kenderaan bagi Pemohon; **dan**
 - ii. Slip Gaji bagi 3 bulan lengkap (Jan, Feb, Mac 2018) bagi Pemohon (jika bekerja).
20. **S:** **Permohonan saya tidak lulus kerana semakan rekod agensi mendapati had kemampuan pemohon memiliki kenderaan melebihi syarat kelayakan. Bayaran ansuran bulanan kenderaan berkenaan tidak dibayar oleh saya. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa rayuan?**
- J: Tuan perlu mengemukakan Dokumen seperti berikut ke Cawangan LHDNM:
- i. Perjanjian Sewa Beli Kenderaan bagi Pemohon; **dan**

- ii. Slip Gaji bagi 3 bulan lengkap (Jan, Feb, Mac 2018) bagi Pemohon (jika bekerja).

LAIN-LAIN

21. S: Permohonan saya berstatus kahwin dan tidak lulus kerana pasangan saya telah membuat permohonan / kemas kini BR1M 2018 sebagai Ibu Bapa tunggal / Bujang dan lulus RM450. Adakah rayuan saya boleh diluluskan?

J: Rayuan tuan tidak boleh dipertimbangkan kerana pasangan telah lulus dan melaporkan maklumat tidak tepat semasa permohonan. Walau bagaimanapun, kelulusan rayuan tambahan bagi kategori isi rumah boleh dipertimbangkan bagi permohonan pasangan yang telah lulus (RM450) dengan mengemukakan maklumat yang tepat serta dokumen perkahwinan yang sah.

22. S: Saya dan pasangan telah diluluskan sebagai Bujang RM450. Adakah saya boleh membuat rayuan tambahan dengan status kahwin semasa rayuan?

J: Rayuan tuan tidak boleh dipertimbangkan dengan status kahwin kerana tuan dan pasangan telah diluluskan RM450. Kemas kini maklumat yang tepat perlulah dibuat untuk BR1M akan datang.

23. S: Semakan mendapati saya tidak lulus disebabkan menetap / belajar di luar negara, apakah dokumen yang perlu saya kemukakan semasa rayuan?

J: Tuan perlu hadir sendiri ke Cawangan LHDNM semasa rayuan bagi mengesahkan tuan berada di Malaysia dengan mengemukakan dokumen berikut:

- i. Surat Pengesahan Tamat Belajar / Tamat Perkhidmatan pada atau sebelum 25 Januari 2018 bagi yang belajar / bekerja di luar negara; dan
- ii. Slip Gaji bagi 3 bulan (Jan, Feb, Mac 2018) bagi pemohon / pasangan / tanggungan.

24. S: Semakan mendapati permohonan rayuan saya berstatus Permohonan Ditolak. Adakah saya boleh mengemukakan semula dokumen sokongan yang diperlukan bagi membolehkan rayuan saya dipertimbangkan semula?

J: Sekiranya permohonan tuan telah diproses dan mempunyai kelulusan, rayuan semula dengan mengemukakan dokumen sokongan adalah tidak dibenarkan walaupun masih dalam tempoh rayuan. Ini kerana kelulusan rayuan BR1M adalah MUKTAMAD.